

UNIMAS sasar jadi pengeluar daging rusa

KOTA SAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mampu menjadi pengeluar utama daging rusa di negeri ini berikutan cadangan mewujudkan ladang rusa serba lengkap di universiti berkenaan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS, Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman, berkata beliau mengemukakan cadangan itu selepas melihat sendiri kejayaan dua universiti luar negara mewujudkan ladang ternakan dalam kawasan universiti dan berjaya memberi pulangan besar.

Beliau berkata, daging rusa mendapat sambutan sangat baik kebelakangan ini, namun bekalan yang ada tidak mencukupi.

Katanya, sebelum ini dua universiti di New Zealand dan China mengusahakan ladang lembu dan kambing, sehingga berjaya dieksport sekali gus menjadi penjana pendapatan sangat besar kepada universiti berkenaan.

"UNIMAS juga boleh mengikut jejak kedua-dua universiti berkenaan kerana keluasan sebenar kawasan kita 849.8 hektar. Setakat ini hanya 404.7 hektar baru digunakan, masih ada baki 445.2 hektar. Saya dapati sebahagian kawasan itu amat sesuai untuk dijadikan ladang rusa.

"Kita juga diberikan kemudahan dan keistimewaan bagi menjana pendapatan sendiri seiring hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang mahu semua universiti menjana pendapatan sendiri pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Perasmian Inkubator Usahawan Siswa: Siswa Niaga Jentayu Black Pepper House-Kesisma dan Perasmian Gerai Siswa Niaga Jentayu Black Pepper House-Kesisma, di sini yang disempurnakan Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Pembangunan Usahawan), Datuk Mohd Naroden Majais.

Fadzil berkata, cadangan itu masih dalam perbincangan dan akan diperhalusi sebelum dikemukakan kepada pengurusan UNIMAS dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah UNIMAS untuk kelulusan.

Mengenai kemampuan UNIMAS menguruskan projek berkenaan, beliau berkata, perkara itu tidak menjadi masalah kerana UNIMAS boleh mendapatkan bantuan dari fakulti program asasi sains hayat dan khidmat nasihat jabatan serta agensi kerajaan berkaitan di negeri ini.

BERITA HARIAN

SABTU 12 MEI 2012